



**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN KEMUDAHAN TAMBANG PERCUMA KE  
LUAR NEGERI (TPKLN) BAGI PEGAWAI GRED UTAMA A DAN KE ATAS,  
GRED KHAS A SERTA YANG SETARAF  
DI UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

**PELAKSANAAN**

**Kelayakan**

1. Pegawai berikut layak diberi kemudahan TPKLN:
  - i. Pegawai lantikan tetap di Gred Utama A dan ke atas, Gred Khas A serta pegawai setaraf dalam perkhidmatan; atau
  - ii. Pegawai yang sedang memangku/ dipinjamkan/ ditukar sementara di Gred Utama A dan ke atas, Gred Khas A serta pegawai yang setaraf dalam perkhidmatan.
2. Selain itu, pegawai yang layak di perenggan 1(i) dan 1(ii) di atas layak diberi kemudahan TPKLN untuk ahli keluarganya terhad kepada berikut:
  - i. seorang isteri/ suami; dan
  - ii. maksimum tiga orang anak yang berstatus bujang, di bawah umur 21 tahun dan masih dalam tanggungan pegawai semasa permohonan dikemukakan. Anak bermaksud anak kandung, anak tiri dan anak angkat yang diambil secara sah mengikut undang-undang. Bagi anak daif yang disebabkan oleh kelemahan otak atau jasmani (yang tidak mampu menjaga diri sendiri) had umur tersebut tidak terpakai.
3. Kelayakan pegawai ditentukan melalui status pegawai semasa permohonan kemudahan ini dikemukakan atau pada tarikh persaraan pegawai bagi pemberian kemudahan mengikut peraturan di perenggan 14(ii), atau pada tarikh kematian pegawai bagi pemberian mengikut peraturan di perenggan 14(v).
4. Pegawai layak kemudahan TPKLN mulai tarikh pegawai menjawat jawatan di Gred Utama A dan ke atas, Gred Khas A serta gred yang setaraf dalam perkhidmatan. Bagi pegawai yang dalam pemangkuhan/ peminjaman/ tukar sementara yang gred hakikinya lebih rendah dan tidak melayakkan apabila pegawai kembali ke gred hakikinya, kemudahan ini diberi dalam tempoh pemangkuhan/ peminjaman/ tukar sementara sahaja.
5. Kemudahan TPKLN diberi sekali dalam tempoh lima tahun perkhidmatan yang melayakkan. Perkhidmatan yang melayakkan bermaksud tempoh perkhidmatan tetap pemangkuhan dan peminjaman/ tukar sementara di Gred Utama A dan ke atas, Gred Khas A, serta gred yang setaraf dalam perkhidmatan.

6. Kelayakan seterusnya bermula selepas genap tempoh lima tahun perkhidmatan yang melayakkan.

### Kaedah Dan Kadar

7. Pemberian kemudahan TPKLN diberi melalui salah satu (tidak boleh digabungkan daripada kaedah-kaedah berikut):

- i. dalam bentuk tiket penerbangan yang tidak melebihi tambang penerbangan Kuala Lumpur ke London pergi dan balik (KL/ London/ KL) tertakluk kepada:

- a. tambang Kelas Satu bagi pegawai dan isteri/ suami; dan
- b. tambang Kelas Ekonomi bagi anak.

atau,

- ii. dalam bentuk wang tunai dengan kadar berikut:

Kategori	Kadar (RM)
Pegawai	32,000.00
Suami/ isteri (seorang)	32,000.00
Anak (maksimum 3 orang)	6,000.00 seorang

### Peraturan Pemberian TPKLN Dalam Bentuk Tiket Penerbangan

8. Kemudahan TPKLN dalam bentuk tiket penerbangan hendaklah digunakan semasa pegawai masih dalam perkhidmatan yang melayakkan. Ahli keluarga boleh menggunakan kemudahan tiket penerbangan secara berasingan untuk mengikuti pegawai semasa pegawai menjalankan tugas rasmi atau menghadiri kursus di luar negeri.
9. Had tambang tiket penerbangan adalah seperti berikut:
- i. had tambang adalah berasaskan kepada harga tambang semasa (*full fare*) penerbangan KL/ London/ KL yang ditetapkan oleh syarikat Penerbangan Malaysia Berhad (MAS); dan
  - ii. bagi perjalanan ke destinasi yang tambang penerbangannya kurang daripada had tambang, hanya tambang sebenar *full fare* ke destinasi tersebut boleh diluluskan. Sebaliknya jika tambang penerbangan melebihi had yang ditetapkan, pegawai hendaklah menanggung sendiri perbezaan tambang yang berlebihan itu.
10. Pegawai boleh memilih untuk membeli tiket penerbangan yang lebih murah dengan menurunkan kelas penerbangan, membeli tiket dengan harga promosi, atau membeli pakej

pelancongan dengan harga yang lebih murah berbanding had tambang. Dalam keadaan ini pegawai boleh dibayar perbezaan harga tambang *full fare* dengan harga pembelian seperti berikut:

- i. perbezaan harga tambang *full fare* bagi destinasi sebenar (tidak melebihi had tambang) dengan harga pembelian tiket penerbangan/ pakej pelancongan yang lebih murah; atau
  - ii. sekiranya tambang *full fare* bagi destinasi sebenar adalah melebihi had tambang, maka perbezaan yang boleh dibayar ialah perbezaan harga had tambang dengan harga pembelian tiket penerbangan/ pakej pelancongan yang lebih murah berbanding had tambang.
11. Penggunaan Waran Perjalanan Udara Awam atau Pesanan Tempatan serta penggunaan agen perjalanan/ pelancongan hendaklah dilaksanakan sekiranya Jabatan menguruskan pembelian tiket penerbangan atau pakej pelancongan. Penggunaan agen perjalanan/ pelancongan oleh Jabatan hendaklah mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat kuasa. Pegawai juga boleh menguruskan sendiri pembelian tiket penerbangan atau pakej pelancongan dan membuat tuntutan kepada Jabatan terhadap had tambang di bawah kemudahan ini.
12. Pegawai dikehendaki menggunakan perkhidmatan syarikat MAS atau syarikat penerbangan lain yang diluluskan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa. Bagi destinasi yang tiada perkhidmatan penerbangan oleh MAS atau syarikat penerbangan lain yang diluluskan oleh Kerajaan, pegawai diberi kebebasan memilih perkhidmatan syarikat penerbangan yang lain tertakluk kepada had tambang di para 9(1).

#### **Peraturan Pemberian TPKLN Dalam Bentuk Wang Tunai**

13. Pegawai boleh memilih untuk diberi TPKLN dalam bentuk wang tunai sekiranya pegawai tidak mahu menggunakan TPKLN dalam bentuk tiket penerbangan.
14. Jika pegawai tidak membuat pilihan untuk menggunakan TPKLN dalam bentuk tiket penerbangan atau wang tunai, pegawai akan diberi TPKLN dalam bentuk wang tunai secara automatik apabila:
- i. genap 5 tahun perkhidmatan yang melayakkan;
  - ii. bersara wajib/ pilihan/ atas sebab kesihatan/ kepentingan perkhidmatan selepas tarikh Pekeliling Pengurusan ini dikeluarkan;
  - iii. tamat tempoh peminjaman/ tukar sementara dan kembali ke gred jawatan hakiki yang lebih rendah;
  - iv. tamat tempoh pemangkuan dan kembali ke gred jawatan hakiki yang lebih rendah; atau

- v. meninggal dunia dalam perkhidmatan di mana waris layak menerimanya mengikut kelayakan pegawai pada tarikh kematiannya. Pembayaran kepada waris hendaklah mengikut undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

#### **Prosedur Permohonan**

15. Permohonan hendaklah dibuat dengan mengemukakan Borang Permohonan Tambang Percuma Ke Luar Negeri (TPKLN) kepada Ketua Setiausaha Kementerian melalui Pendaftar/ Ketua Pegawai Operasi untuk kelulusan.
16. Kelulusan hendaklah dicatat dalam Buku Perkhidmatan Pegawai.